



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2015/02/62 (HQ)

PENUTUPAN BERKALA DAN LENCONGAN ALIRAN TRAFIK DI LEBUHRAYA PERSEKUTUAN KM 19

Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Projek Lebuhraya Usahasama Berhad (PLUS Berhad) ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Lebuhraya Persekutuan KM 19 (berhampiran Stesen KTMB Subang) akan ditutup secara berkala bagi menjalankan kerja-kerja merombak talian penghantaran sediaada Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Laluan trafik akan ditutup selama **15 minit sahaja** pada tarikh-tarikh tersebut bagi membolehkan kerja-kerja pemotongan pengalir dilaksanakan. Kawalan laluan trafik akan dibantu oleh pihak polis ketika penutupan laluan dibuat.

Sehubungan itu, penutupan tersebut akan dilakukan mengikut tarikh dan waktu seperti berikut:

- 1) **Khamis, 14 Mei 2015 DARI 00:01 PAGI HINGGA 04:30 PAGI**
- 2) **Jumaat, 15 Mei 2015 DARI 00:01 PAGI HINGGA 04:30 PAGI**

Jalan-jalan susur yang akan terlibat adalah

- Lebuhraya Persekutuan KM 19 . KM 19.3 dari Shah Alam/Klang ke Petaling Jaya/Kuala Lumpur.
- Lebuhraya Persekutuan KM 19.3 - KM 19 dari Petaling Jaya/Kuala Lumpur ke Shah Alam/Klang.
- Susur masuk dari Shah Alam/Klang ke Jalan Subang Airport.
- Susur dari Jalan Subang Airport ke Shah Alam/Klang.

Pihak polis telah dimaklumkan mengenai kerja-kerja yang akan dijalankan bagi mengawal laluan trafik dan keselamatan pengguna Lebuhraya Persekutuan. Satu lorong (mulai menara jam dari arah Kuala Lumpur dan susur keluar dari arah Subang Jaya) akan ditutup menggunakan konkon keselamatan untuk memberi persediaan kepada pengguna memperlambatkan kenderaan semasa mendekati kawasan naiktaraf ini.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat lanjut mengenai perkara ini bolehlah menghubungi talian khidmat TNB di **15454** (TNB Careline) atau talian PLUSLine di 1800 88 0000.

Segala kesulitan yang dialami orang ramai sepanjang kerja-kerja ini adalah amat dikesali.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 13 Mei 2015

*Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Md Derus Bunchit (019-266 2296) /
Teng Yoon Soon (019-29312280) / Maizatul Nadiah Saadon (017-381 6602)
media@tnb.com.my*